

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG**

**KAWASAN : IPOH TIMOR**

**TARIKH : 10 JUN 2015 (RABU)**

**NO. SOALAN : 70**

YB TUAN SU KEONG SIONG [ IPOH TIMOR ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan secara terperinci langkah-langkah penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PEMUDAH dalam tahun 2014. Adakah Kerajaan sedang mempertimbangkan sebarang langkah penambahbaikan yang akan dilaksanakan untuk Amanah Raya Berhad dari segi permohonan dan Pentadbiran Harta Pusaka.

## **JAWAPAN**

Yang di Pertua,

### **Langkah-langkah penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PEMUDAH dalam tahun 2014**

Secara khususnya, PEMUDAH yang ditubuhkan pada tahun 2007, telah memacu kerjasama untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan, memudah cara kemudahan menjalankan perniagaan di Malaysia, mengurangkan kos dan menghapuskan kerenah birokrasi. PEMUDAH menggunakan Laporan World Bank *Doing Business* sebagai asas untuk menambah baik persekitaran perniagaan dan pelaburan.

Inisiatif-inisiatif ETP, GTP dan PEMUDAH adalah usaha bersepadu secara inklusif oleh kedua-dua sektor awam dan sektor swasta untuk memastikan dan menyelesaikan ketidakcekapan operasi serta mengkaji semula pelbagai prosedur dan peraturan.

PEMUDAH juga menjalinkan kerjasama dengan *World Bank* untuk mengkaji bidang-bidang tersebut dengan lebih mendalam untuk penambahbaikan, serta membimbing dan memantau agensi-agensi Kerajaan supaya menambahbaik sistem penyampaian Kerajaan.

Usaha-usaha sedemikian adalah untuk memastikan bahawa Malaysia dapat menjadi sebuah destinasi pelaburan yang lebih menarik.

### **World Bank Ease of Doing Business**

Di dalam Laporan *World Bank Doing Business* 2015, yang merangkumi 189 buah ekonomi, Malaysia mencatatkan kedudukan yang bertambah baik, iaitu di kedudukan ke-18, dengan skor DTF 78.83 (berbanding dengan kedudukan ke-20 dengan skor DTF 76.84, di dalam *Doing Business* 2014), mendahului negara Taiwan, China (ke-19), Switzerland (ke-20), Thailand (ke-26), Belanda (ke-27) dan Jepun (ke-29) di Jadual 1. Malaysia diletakkan di kedudukan kedua di kalangan negara ASEAN dan ke-empat di Asia selepas Singapura, Hong Kong dan Republik Korea.

Dalam Laporan *Doing Business* yang terkini, Bank Dunia telah menukarkan metodologinya untuk menganalisis prestasi negara. Kedudukan negara dan indikator adalah berdasarkan skor (0-100) Jarak Dengan Negara Peneraju (*Distance To Frontier, DTF*) dan tidak berdasarkan kedudukan persentil. Negara peneraju dikenalpasti berdasarkan tanda aras amalan terbaik peraturan iaitu jurang antara prestasi setiap ekonomi dengan prestasi ekonomi terbaik bagi setiap 10 bidang yang diukur. Skor sesebuah negara ditunjukkan pada skala dari 0 hingga 100, di mana 0 menunjukkan prestasi yang paling buruk dan 100 akan menjadi prestasi terbaik negara peneraju.

### **Memulakan Perniagaan (Starting A Business)**

Malaysia telah menurunkan yuran pendaftaran syarikat menjadikan proses memulakan perniagaan lebih murah. Pengurangan yuran pemerbadanan daripada RM3,000 kepada RM1,000 bagi syarikat dengan modal

perkongsian yang dibenarkan sebanyak RM400,000 dan lanjutan keperluan modal minimum di bawah Akta Syarikat 1965 oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di mana sesebuah syarikat tidak perlu mempunyai modal minimum, lalu mengukuhkan lagi kepercayaan orang awam dan keyakinan para pelabur.

Nombor Identiti Korporat Malaysia (MyCoID) disediakan oleh SSM untuk syarikat bagi tujuan pendaftaran, pusat rujukan dan urus niaga dengan agensi Kerajaan yang terlibat. Pemerbadanan dan pendaftaran dengan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat, boleh dibuat secara serentak melalui kemasukan elektronik MyCoID. Inisiatif utama ini membolehkan perniagaan dimulakan dalam masa sehari merupakan pemerbadanan secara atas talian mandatori melalui portal MyCoID bagi Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan.

### **Urusan Permit Pembinaan (*Dealing With Construction Permits*)**

Urusan Permit Pembinaan di Malaysia berada di kedudukan ke-28 berbanding dengan kedudukan ke-39 pada tahun lepas. Pencapaian ini disumbangkan oleh penambahbaikan yang ketara dalam bilangan hari yang diambil bagi mendapatkan permit pembinaan di mana telah berkurang kepada 74 hari daripada 130 hari. Walau bagaimanapun, bilangan prosedur dan kos yang diukur berdasarkan peratusan nilai gudang masing-masing kekal sebanyak 13 prosedur dan 1.3 peratus.

Penyerahan Pusat Setempat 1 (*One Stop Centre - OSC1*) telah dibangunkan sejak 2012 untuk menambah baik proses kecekapan tanpa mengabaikan keperluan kualiti dan keselamatan sistem pengeluaran

permit pembinaan bagi sesebuah negara. Penambahbaikan ini pastinya akan memudahkan proses menjalankan perniagaan dalam Urusan Permit Pembinaan dan menarik lebih ramai pelabur untuk melabur di Kuala Lumpur .

Model baharu, OSC 3.0, yang diperkenalkan pada Jun 2014, menggabungkan amalan baik antarabangsa dalam menyelaraskan prosedur dan peraturan berkaitan permit dan lesen oleh pihak berkuasa tempatan.

KL TRAX telah memperkenalkan sistem pemantauan secara dalam talian yang memantau permohonan permit pembinaan bermula dari tarikh serahan sehingga pengeluaran *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) untuk mengemas kini dan menyemak status permohonan bagi kedua-dua pihak (pihak berkuasa tempatan/agensi dan sektor swasta).

Antara faedahnya ialah peningkatan produktiviti dan prestasi dengan pengurangan masa yang diambil, menggabungkan semua agensi dan perniagaan kepada sebuah platform tunggal yang telus, dan perkhidmatan Pusat Sehenti.

### **Pembayaran Cukai (Paying Taxes)**

Inisiatif berterusan ke arah kecekapan bagi menambah baik bidang Pembayaran Cukai dengan membangunkan *e-Filing* dan *e-Payment* untuk cukai jualan yang akan mengurangkan masa diambil bagi memfail dan membayar cukai jualan. Pada masa sama, inisiatif lain yang diambil bagi menambah baik sistem cukai pendapatan ialah:

- i. Memudahkan pembayaran balik cukai individu (Borang B & Borang

BE);

- ii. Pengenalan *m-Filing* bagi membolehkan pembayar cukai untuk menyerahkan pembayaran menerusi peranti mudah alih; dan
- iii. Pengukuhan ketetapan umum (*consolidation of public ruling*), dicetak kali pertama pada tahun 2013 dan bertujuan sebagai rujukan mudah untuk orang awam berkaitan tajuk-tajuk tertentu seperti Manfaat Berupa Barangan dan Prekuisit daripada Penggajian.

### **Penyelesaian Insolvensi (*Resolving Insolvency*)**

Di bawah cadangan Bil Syarikat 2014, peruntukan baharu telah diperkenalkan berhubung Undang-Undang Insolvensi Korporat iaitu:

- i. Memperkenalkan Mekanisma Penyelamat Korporat (*Corporate Rescue Mechanism*) dalam bentuk Pengurusan Kehakiman (*Judicial Management - JM*) dan Penyusunan Sukarela Korporat (*Corporate Voluntary Arrangement - CVA*); dan
- ii. Sebagai alternatif kepada penggulangan (*winding up*), proses pencairan (*liquidation*) dan pelucutan (*dissolution*) bagi syarikat-syarikat yang mempunyai masalah kewangan akan digiatkan semula.

Yang di Pertua,

**Adakah Kerajaan sedang mempertimbangkan sebarang langkah penambahbaikan yang akan dilaksanakan untuk Amanah Raya Berhad dari segi permohonan dan Pentadbiran Harta Pusaka.**

Kerajaan sedang menimbangankan untuk membenarkan Amanah Raya Berhad untuk mengguna pakai data dan maklumat si mati dan waris-waris melalui penggunaan "MyIdentiti" yang kini di bawah kawal selia Jabatan Pendaftaran Negara. Jika usaha ini dapat dilaksanakan, proses mengesahkan permohonan harta pusaka dan mengesan serta mengesahkan status waris-waris dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan tepat. Perkara ini secara langsung akan dapat mempercepatkan penyelesaian harta pusaka dan mengurangkan kadar pegangan wang amanah dan pusaka yang tidak dapat diserahkan kepada waris dan benefisiari.

Selain itu, pihak Amanah Raya Berhad turut melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan perkhidmatan seperti menaik taraf sistem maklumat bersepadu yang dikenali sebagai *Amanah Raya Integrated System* (ARIS). Sistem ini akan meningkatkan kapasiti storan, pengurusan pangkalan data yang efisien, membolehkan jalinan dengan pelbagai rangkaian daripada pihak ketiga dilaksanakan di samping peningkatan sistem keselamatan data. Sistem ini juga akan membolehkan penggunaan MyKad untuk mempercepatkan urusan permohonan. Dengan menaik taraf

sistem, orang ramai akan mendapat kemudahan permohonan secara atas talian.

Amanah Raya Berhad bersama Pejabat YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah melaksanakan beberapa Program Kesedaran Masyarakat melalui pembukaan kaunter bergerak di negeri dan daerah. Program ini memberi kemudahan kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat serta membuat permohonan tanpa perlu hadir ke pejabat cawangan Amanah Raya Berhad. Usaha ini telah meningkatkan lagi kefahaman rakyat Malaysia akan fungsi dan peranan Amanah Raya Berhad. Antara negeri yang terlibat ialah negeri Johor, Pulau Pinang, Perak, Sabah serta Sarawak. Program ini akan diteruskan ke negeri-negeri Pantai Timur sedikit masa lagi.